



NOTIS PEMAKLUMAN

OPERASI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 13 HINGGA 26 JANUARI 2021

Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa di Negeri Selangor yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2021, operasi Mahkamah Syariah Negeri Selangor ditetapkan seperti berikut:

1. Prosiding semua kes yang ditetapkan pada 13 hingga 26 Januari 2021 di semua Mahkamah Syariah Negeri Selangor akan dijadualkan semula.
2. Kes-kes Rayuan yang telah ditetapkan pendengarannya di hadapan Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah akan diteruskan seperti yang dijadualkan dan semua pihak digalakkan untuk menggunakan kemudahan perbicaraan secara dalam talian.
3. Wakalah / afidavit / Majlis Sulh / perbicaraan / sebutan bagi kes-kes mendesak atau kes-kes yang mempunyai tempoh had masa boleh dibuat melalui sidang video (dengan permohonan dan persetujuan bersama Plaintiff / Pemohon atau Defendan / Responden).
4. Perkhidmatan runding cara dilaksanakan secara dalam talian telefon.
5. Perkhidmatan pendaftaran kes-kes baharu secara fizikal di kaunter mahkamah, hendaklah dibuat **dengan janji temu** melalui panggilan telefon terlebih dahulu dan **terhad** kepada pendaftaran kes-kes berikut:
 - (a) Kategori kes-kes mendesak seperti kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga / penderaan, pengesahan pengesahan lafaz cerai di luar mahkamah, permohonan wali raja atau merekodkan persetujuan (hendaklah dibuat melalui Notis Perakuan Segera dan semua borang/dokumen telah lengkap);

- (b) Kes yang mempunyai tempoh had masa seperti pemfailan Notis Rayuan dan semakan (borang dan dokumen mestilah dilengkapkan lebih awal); dan
 - (c) Perkhidmatan kaunter bagi urusan-urusan lain ditangguhkan kecuali pemfailan dokumen yang melibatkan tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang seperti Alasan Rayuan dan Rekod Rayuan.
6. Semua temujanji yang telah dibuat melalui Aplikasi Temujanji Perkhidmatan JAKESS sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa, **adalah dibatalkan** dan pihak-pihak perlu membuat temujanji baharu selepas tamat tempoh PKP.
 7. Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian telefon premis Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang berkaitan seperti di laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Selangor di www.jakess.gov.my

**DIKELUARKAN OLEH:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

12 JANUARI 2021